

# Letakkan konsep perpaduan asas kehidupan

UM 18 NOV 2003

CHANGLUN 17 Nov. — Tun Dr. Mahathir Mohamad menasihatkan umat Islam di negara ini agar terus meletakkan konsep perpaduan sebagai asas kehidupan terpenting sesama mereka dan penganut agama lain.

Beliau juga mahu rakyat berfikir dahulu sebelum bertindak bagi memastikan mereka tidak terus ditindas dan dipermainkan oleh musuh Islam.

Menurut bekas Perdana Menteri, perpecahan sesama umat Islam dan tindakan melulu seperti sanggup membunuh diri kononnya untuk kepentingan agama tanpa memikirkan akibatnya bukan sahaja merupakan perbuatan sia-sia malah pastinya akan turut melemahkan mereka yang hakikatnya telah semakin tenat.

“Dengan bersatu-padu, ini akan memperkuat umat Islam terutama dalam menghadapi penindasan hebat yang sedang berlaku di serata dunia.

“Pada masa yang sama, umat Islam harus tahu menghormati penganut agama lain dengan membenarkan mereka mengamalkan ajaran agama mereka tanpa gangguan,” katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian ketika berucap pada majlis berbuka puasa bersama kira-kira 3,000 penduduk Felda Laka Selatan dan sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Tunjang di Masjid Al Huda di sini hari ini.

Ucapan yang banyak memberi nasihat agar orang Islam berusaha memperbaiki kelemahan diri demi kepentingan agama itu merupakan ucapannya yang pertama di Kedah sejak melepaskan jawatan sebagai Perdana Menteri pada 31 Oktober lalu.